

9- Hannaad meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdah bin Sulaiman¹¹⁵ meriwayatkan daripada 'Ubaidillah bin 'Umar¹¹⁶ daripada Muhammad bin Yahya bin Habbaan¹¹⁷ daripada bapa saudaranya Waasi' bin Habbaan¹¹⁸ daripada Ibnu 'Umar, katanya: "Pada suatu hari saya telah naik ke atas (bumbung) rumah Hafsa, lalu saya melihat Nabi s.a.w. sedang membuang air dalam keadaan mengadap ke arah Syam dan membelakangi Ka'bah."¹¹⁹

¹¹⁵ al-Kilaabi, Abu Muhammad al-Kufi. Meriwayatkan hadits daripada Hisyam bin 'Urwah, A'masy dan lain-lain. Ahmad, Ishaq, Hannaad bin as-Sari, Abu Kuraib dan lain-lain pula ada antara orang-orang yang meriwayatkan hadits daripada beliau. Ahmad, Ibnu Sa'ad dan al-'Ijli mengatakan beliau tsiqah. Meninggal dunia pada tahun 187H.

¹¹⁶ bin Hafsh bin 'Aashim bin 'Umar bin al-Khatthaab al-'Umari al-Madani. Salah seorang daripada tujuh orang fuqaha' yang terkenal di Madinah dan 'ulama' yang mantap ilmunya. Kata an-Nasaa'i, tsiqah dan tsabt (mantap). Meninggal dunia pada tahun 147H.

¹¹⁷ bin Munqiz bin 'Amar al-Anshaari al-Madani. Seorang perawi yang tsiqah lagi faqih. Ibnu Ma'in, an-Nasaa'i dan lain-lain mengatakan beliau tsiqah. Meninggal dunia pada tahun 121H.

¹¹⁸ bin Munqiz bin 'Amar al-Anshaari al-Maazini al-Madani. Tsiqah, salah seorang Tabi'i besar. Demikian kata Hafiz Ibnu Hajar.

¹¹⁹ Hadits ini dijadikan dalil oleh orang-orang yang berpendapat harus mengadap dan membelakangi qiblat secara mutlaq. Tidak kira sama ada di dalam bangunan dan tandas atau di tanah lapang dan kawasan terbuka. Ia dipercayai sebagai naasikh (pemansukh) kepada hadits-hadits yang melarang daripada mengadap dan membelakangi qiblat yang diriwayatkan oleh Abu Ayyub dan lain-lain. Hadits ini juga dijadikan hujah oleh orang-orang yang berpendapat tidak harus di tanah lapang dan di kawasan terbuka sahaja. Ia juga dijadikan hujah oleh orang-orang yang mengkhususkan larangan Rasulullah s.a.w. dengan mengadap qiblat sahaja. Sementara membelakangi qiblat adalah diharuskan secara mutlaq. Tidak kira sama ada di dalam bangunan dan tandas atau di tanah lapang dan di kawasan terbuka. Orang-orang yang berpegang dengan hadits-hadits yang melarang mengadap dan membelakangi qiblat secara mutlaq menta'wilkan hadits Ibnu 'Umar ini dengan mengatakan, walaupun ia sahih tetapi masih terdapat kemungkinan yang boleh meragukan ketepatan peristiwa tersebut. Ada kemungkinan Baginda s.a.w. terkejut dengan kehadiran Ibnu 'Umar lalu berpusing (kebetulan membelakangi qiblat) dengan tujuan agar lebih terlindung. Ibnu 'Umar yang menganggap perbuatan tersebut harus lalu berjihad jika di dalam binaan tidak mengapa membuang air dengan mengadap atau membelakangi qiblat.

Pada pendapat penulis, kesemua ijtihad yang telah dikemukakan oleh para 'ulama' itu boleh diterima dan diamalkan mengikut keperluan dan keadaan. Mungkin pada suatu peringkat Nabi s.a.w. ingin mengingatkan umatnya supaya menta'zimkan Ka'bah. Keadaan yang sama boleh dilihat dalam banyak arahan Baginda yang melarang sesuatu perkara, tetapi membenarkannya semula ataupun pada peringkat awalnya tidak diharuskan, namun kemudiannya dibolehkan. Contohnya arahan supaya mengambil wudhu' setelah memakan daging yang dimasak dan larangan dari menziarahi kubur. Dua perkara ini kemudiannya telah dibatalkan oleh Baginda s.a.w.

Jika hadits Aisyah yang diriwayatkan oleh 'Iraak diambil kira dan diperhatikan dengan saksama anda akan nampak bagaimana sikap Nabi s.a.w. apabila mendapati tujuan sebenar larangannya (ta'zimkan Ka'bah) telah disalah faham oleh sebahagian sahabat sehingga menyusahkan mereka. Baginda tidak gembira dengan gejala itu, lalu memerintahkan Aisyah agar mengubah kedudukan tempat membuang air supaya mengadap qiblat. Dengan berbuat demikian hilanglah keraguan dan kesusahan yang mungkin timbul di kalangan masyarakat akibat larangan yang mempunyai maksud dan tujuan tertentu itu. Kedudukan perkara ini boleh dikatakan sama dengan isu anjing yang diperintahkan agar kesemuanya dibunuh pada suatu peringkat di zaman Nabi s.a.w. Arahan ini dikuatkan lagi dengan hadits yang menyebutkan malaikat tidak memasuki rumah yang ada anjing di dalamnya, bahkan pahala pembelanya akan berkurangan sebanyak dua qiraath tiap-tiap hari. Kemudian perintah menghapuskan anjing dilonggarkan dan dikhususkan kepada anjing hitam sahaja. Anjing-anjing lain tidak perlu lagi dibunuh. Jaabir meriwayatkan: *أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ حَتَّىٰ أَنْ الْمَرْأَةُ كَانَتْ تَدْخُلُ بِالْكَلْبِ فَيَقْتُلُ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَخْرُجَ وَقَالَ لَوْلَا أَنَّ الْكِلَابَ أُمَّةٌ مِنَ الْأُمَّةِ لَأَمَرْتُ بِقَتْلِهَا فَاقْتُلُوا مِنْهَا كُلَّ أَسْوَدَ بَيْتٍ بَيْنَ عَيْنَيْهِ نُقْطَتَانِ فَإِنَّهُ شَيْطَانٌ* Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah memerintahkan agar dibunuh anjing, sehingga orang perempuan bila masuk ke dalam rumah dibunuhnya anjing terlebih dahulu sebelum keluar. Beberapa lama kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Kalaulah tidak kerana anjing-anjing itu salah satu makhluk kejadian Allah, niscaya aku perintahkan kesemuanya dibunuh. Sekarang bunuhlah anjing berwarna hitam legam yang ada dua titik di antara dua matanya. Kerana ia adalah syaitan." (Hadits riwayat Ibnu Hibbaan). Kemudian pada akhirnya arahan ini juga dibatalkan melalui sabda Baginda s.a.w. yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin Mughaffal, kata beliau: *أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ ثُمَّ قَالَ مَا لِي وَلِلْكِلَابِ ثُمَّ رَخَّصَ فِي كَلْبِ الصَّيْدِ وَفِي كَلْبِ آخِرِ نَسَبِهِ سَعِيدٍ* Bermaksud: Rasulullah s.a.w. pernah menyuruh membunuh anjing-anjing. Kemudian Baginda bersabda: "Kenapa aku perlu sibuk dengan anjing-anjing?" Kemudian Nabi s.a.w. membenarkan anjing perburuan dan satu macam anjing lagi (dipelihara). perawinya Sa'id terlupa." Ya, bukankah anjing juga merupakan sebahagian makhluk Tuhan sepertimana lalat, nyamuk dan sebagainya. Hanya kerana makhluk-makhluk ini membawa berbagai penyakit, mereka dianggap langsung tidak berfaedah. Ini adalah satu persepsi yang salah. Tetap ada hikmat dan kebaikannya apabila mereka diciptakan oleh Allah. Kalau anjing memang sejenis makhluk perosak dan langsung tidak mempunyai kebaikannya, tentu arahan agar ia dibunuh tidak dihentikan. Pembatalan arahan membunuh anjing membuktikan terdapat maksud dan tujuan lain di sebalik perintah membunuhnya sebelum itu.

Terdapat sesetengah 'ulama' yang tegas menyokong larangan mengadap dan membelakangi qiblat berhujjah dengan mengatakan bahawa ada hadits yang menyebutkan di akhirat kelak orang yang meludah ke arah qiblat akan mendapati ludah tersebut berada di antara dua matanya. Hadis tersebut menunjukkan perbuatan meludah ke arah qiblat pun tidak dibenarkan, apatah lagi jika membuang air. Perlu sekali difahami bahawa hadis berkenaan sebenarnya telah disalah faham oleh mereka. Ancaman yang tersebut di dalam hadits itu hanyalah untuk orang-orang yang meludah di dalam solat. Ia bukannya meliputi semua keadaan. Nabi s.a.w. melarang perbuatan tersebut kerana ingin menjaga adab sembahyang dan kebersihan masjid. Amat sukar sekali untuk mematuhi arahan tersebut jika ia turut meliputi keadaan di luar sembahyang. Riwayat tersebut yang lebih sahih juga ada mengaitkan perbuatan tersebut dengan sembahyang.

Sebagai kesimpulannya bolehlah dikatakan tujuan Nabi s.a.w. melarang dan kemudian menampakkan keharusan dalam soal ini sebenarnya ada kaitan dengan proses pentarbiyahan

Abu 'Isa berkata: "Ini adalah hadits hasan sahih."¹²⁰

kepada para sahabat dalam menimbulkan kebesaran dan kemuliaan Ka'bah di dalam hati mereka. Apabila sudah mencapai tujuannya iaitu perasaan ta'zim kepada Ka'bah sudah sebat di dalam hati sanubari umat Islam, arahan tersebut dilonggarkan supaya tidak menimbulkan kesulitan dan kesukaran. Arahan agar posisi tempat duduk Baginda s.a.w. di dalam tandas diubah sebagaimana tersebut di dalam hadits riwayat 'Iraak adalah bukti yang menunjukkan ia tidak khusus dengan Nabi s.a.w. sahaja. Perbuatan para sahabat seperti Ibnu 'Umar juga turut menghilangkan kekeliruan ia khusus untuk Baginda s.a.w.

Soalnya bagaimana pula dengan umat Islam di kemudian hari? Adakah mereka dapat memahami dan menghayati tujuan sebenar Nabi s.a.w. sebagaimana para sahabat dahulu? Jawapan kepada persoalan ini tidak sukar. Bagi mereka yang belum memahami konsep dan hikmah di sebalik larangan dan keharusan di celah-celah sabda Rasulullah s.a.w., penerangan dan pemahaman perlu diberikan dengan secukupnya. Oleh itu amat sesuai jika qaedah yang diajarkan oleh Nabi s.a.w. itu dilaksanakan semula peringkat demi peringkat. Seeloknya rumah-rumah dan binaan yang dibangunkan disyaratkan ataupun sekurang-kurangnya disyorkan supaya tidak meletakkan posisi tandas mengadap atau membelakangi qiblat. Ini harus disemai supaya tidak timbul anggapan dan lintasan di dalam fikiran, seperti sembahyang dan membuang air sama sahaja posisi dan kedudukan mengadapnya. Dikhuatiri kelak, ia menyebabkan penghormatan kepada qiblat tidak wujud lagi. Nabi s.a.w. mendidik umatnya supaya menghayati perbezaan dan kelainan seperti ini tidak sekadar di dalam ibadat sahaja, malah mengajarkan umatnya agar membezakan identiti diri umat daripada orang-orang kafir juga supaya budaya, tatacara dan kelakuan mereka tidak diagung-agungkan dan dipandang mulia dan hebat.

Bagaimanapun jika berada di suatu tempat yang tandasnya telah dibina mengadap qiblat, perbuatan menyusahkan diri dengan mencari kawasan yang lain kerana mahu mengelak dari menggunakan tandas seperti itu adalah tidak perlu. Perbuatan Abu Ayyub yang mengelak diri dari menggunakan tandas di Syam merupakan pandangan peribadi beliau. Bukan kesemua sahabat mempunyai sikap dan pandangan yang sama. Sikap Abu Ayyub mungkin didasarkan di atas sikap cermat dan berhati-hati dalam urusan agama. Pendirian sebegini adalah elok tetapi ia harus diiringi dengan kefahaman yang mendalam tentang maksud dan tujuan sebenar sesuatu suruhan atau tegahan agama itu.

¹²⁰ Selain Tirmizi, hadits Ibnu 'Umar ini diriwayatkan juga oleh Malik, Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain.